

16/10/1998

Tarikh akhir pengampunan kekal

KUALA LUMPUR, Khamis - Program pengampunan selama dua bulan bagi membolehkan pendatang tanpa izin pulang ke negara asal mereka, yang berakhir 31 Oktober ini, tidak akan dilanjutkan.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat, berkata ketika ini kerajaan tidak bercadang melanjutkan tempoh itu.

Sehubungan itu, beliau meminta pendatang tanpa izin menggunakan masa kira-kira dua minggu lagi itu untuk menguruskan dokumen dan tiket perjalanan pulang ke negara masing-masing.

"Setakat ini, kami belum bercadang melanjutkan tempoh program pengampunan itu. Kami berasa baki tempoh yang masih ada perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka untuk pulang," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Kedutaan Indonesia yang meminta pihak berkuasa Malaysia melanjutkan tempoh pengampunan kepada pendatang tanpa izin selama dua bulan lagi.

Dua bulan lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju mengadakan program pengampunan itu bagi membolehkan pendatang asing tanpa izin pulang ke negara asal mereka

Beliau selaku Menteri Dalam Negeri membuat keputusan itu atas perakuan Jabatan Imigresen dan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-41, Ogos lalu. Tempoh pengampunan bermula pada 31 Ogos hingga 31 Oktober.

Menjawab soalan, Aseh berkata, Jabatan Imigresen belum menerima sebarang permohonan daripada Kedutaan Indonesia berhubung perlanjutan tempoh program pengampunan itu.

Sebelum itu, dalam sidang akhbar nya pagi ini, Ketua Penerangan Kedutaan Indonesia, A Nawawi Hasbi, berkata lanjutan itu perlu bagi membolehkan semua warga Indonesia yang masuk secara haram ke Malaysia, dihantar pulang secara teratur.

Setakat ini, kedutaan itu mengeluarkan kira-kira 27,000 dokumen perjalanan manakala pejabat Konsulat Indonesia di Johor mengeluarkan 16,000 dokumen manakala di Pulau Pinang (1,800).

Menurutnya, kebanyakan pendatang akan dihantar pulang dengan menaiki kapal `Tanjong Osina' yang boleh memuatkan antara 2,000 hingga 2,500 orang setiap perjalanan.

"Justeru, saya berharap pihak berkuasa Malaysia tidak akan menangkap pekerja tanpa izin rakyat Indonesia yang sudah membeli tiket kapal selepas tempoh pengampunan itu kerana mereka sebenarnya menunggu giliran untuk pulang," katanya.

Penghantaran pulang dengan kapal diuruskan sepenuhnya menerusi kerjasama Yayasan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia dan Mekar Jingga Titanic (M) Sdn Bhd. Perbelanjaan pulang sebanyak RM310 adalah tanggungan pendatang sendiri.

Sementara itu, Pengarah Urusan Mekar Jingga Titanic, Raja Azlan Raja Hashim yang turut hadir pada sidang akhbar itu berkata, sehingga kini 20,000 tiket dijual oleh 15 ejen syarikatnya di Lembah Klang.

(END)